

Polisi Insurans Motor Kereta Persendirian

insurance info
INFO INSURANS

Perlindungan untuk setiap jenis polisi

JENIS PERLINDUNGAN	Pihak Ketiga	Pihak ketiga, kebakaran & kecurian	Komprehensif
Liabiliti kepada pihak ketiga akibat : - kecederaan - kematian - kerugian/kerosakan harta benda	✓	✓	✓
Kerugian/kerosakan kepada kenderaan sendiri akibat kebakaran yang tidak disengajakan atau kecurian	✗	✓	✓
Kerugian/kerosakan kepada kenderaan sendiri akibat kemalangan	✗	✗	✓
Liabiliti kepada pemandu & penumpang kenderaan sendiri (harta benda, kecederaan tubuh badan, kematian)	✗	✗	✗

Pengecualian

Polisi insurans motor anda yang standard TIDAK melindungi:

- Kematian atau kecederaan diri anda sendiri;
- Liability terhadap tuntutan daripada penumpang kenderaan anda;
- Kecurian aksesori kenderaan yang bukan dipasang di kilang (stereo kereta, kereta kulit, 'sports rim' dan sebagainya) melainkan sekiranya diisyiharkan.
- Kerugian lanjutan, susut nilai, haus dan lusuh, kerosakan mekanikal atau elektrik atau pemecahan; dan
- Kerugian/kerosakan akibat kejadian semula jadi seperti banjir dan tanah runtuh.

Walau bagaimanapun, anda boleh membayar premium tambahan untuk melindungi pengecualian tertentu di atas meja seperti banjir atau liabiliti terhadap tuntutan daripada penumpang kenderaan anda. Anda juga boleh mempertimbangkan untuk mendapatkan perlindungan tambahan bagi kaca cermin depan dan aksesori kenderaan untuk mengekalkan diskau tiada tuntutan ['No-Claim-Discount' (NCD)] anda sekiranya berlaku kerugian/kerosakan. Sila semak pengecualian lain dan perlindungan tambahan yang tersedia dengan syarikat insurans/ejen insurans anda.

Apa yang perlu anda tahu apabila membeli perlindungan insurans motor

Kepentingan Boleh Insurans

Pastikan anda membeli insurans sebaik sahaja anda membeli kenderaan. Sekiranya anda membeli kenderaan terpakai, pastikan anda melindungi kepentingan anda dengan membeli polisi insurans yang baru. Ini kerana perlindungan insurans pemilik terdahulu tidak lagi sah walaupun pindah milik yang sah belum lagi dibuat dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Nilai Diinsuranskan/Jumlah Diinsurans

Pastikan kenderaan anda diinsuranskan secukupnya.
Kenderaan baru: nilai diinsuranskan=harga belian.
Kenderaan lain: nilai diinsuranskan=nilai pasaran kenderaan semasa polisi dibeli.

Terkurang insurans: jika nilai diinsuranskan rendah daripada nilai pasaran, anda dianggap menginsuranskan sendiri perbezaan tersebut. Jika berlaku kerugian, anda akan dibayar hanya sebahagian daripada gantirugi.

Terlebih insurans: jika nilai diinsuranskan tinggi daripada nilai pasaran, pembayaran ganti rugi maksimum adalah nilai pasaran kenderaan tersebut. Anda tidak boleh mendapatkan keuntungan daripada tuntutan insurans (prinsip indemnity)

Menentukan nilai pasaran kenderaan anda adalah penting untuk mengelakkan daripada terkurang atau terlebih insurans.

Klausula Purata

Ia diguna pakai apabila kenderaan anda yang terkurang insurans mengalami kerosakan. Tuntutan insurans anda akan dikurangkan dengan nisbah nilai kenderaan yang tidak diinsuranskan, contohnya jika anda menginsuranskan kenderaan anda sehingga 70% daripada nilai pasaran, syarikat insurans hanya akan membayar 70% daripada jumlah kos pembaikan.

Pendedahan

Nyatakan semua fakta penting, contohnya kemalangan yang dialami sebelum ini dan pengubahsuaihan enjin. Jika anda gagal berbuat demikian, syarikat insurans mungkin akan menolak tuntutan anda atau sebarang tuntutan yang dibuat oleh pihak ketiga terhadap anda. Dalam kes sedemikian, anda sendiri bertanggungjawab terhadap tuntutan tersebut

Diskaun-Tanpa-Tuntutan [No-Claim-Discount]

Premium yang perlu dibayar boleh dikurangkan oleh kelayakan NCD anda. NCD akan diberikan sekiranya tidak tuntutan dibuat terhadap polisi anda dalam tempoh 12 bulan sebelum itu. Kelayakan NCD bergantung kepada kelas kenderaan anda dan bilangan tahun pengalaman memandu yang berterusan dengan tanpa tuntutan. Anda akan kehilangan keseluruhan kelayakan NCD anda apabila tuntutan kerosakan sendiri atau pihak ketiga dibuat terhadap polisi anda.

Ekses

Ia adalah jumlah kerugian yang perlu anda tanggung manakala syarikat insurans akan membayar baki tuntutan kerosakan kenderaan anda. Jika polisi anda mempunyai ekses, anda perlu membayar jumlah ekses terus kepada Bengkel Pembaik Kenderaan.

Pembayaran Premium

- Premium hendaklah dibayar kepada ejen yang mewakili syarikat insurans anda atau secara terus kepada syarikat insurans sebelum perlindungan dapat diberikan.
- Pembayaran boleh dibuat dengan tunai, kredit atau cek (pembayaran melalui cek hendaklah dibuat di atas nama syarikat insurans sahaja)
- Pastikan anda menerima resit bagi premium yang dibayar kepada ejen insurans atau syarikat insurans anda.

- Dengan pelaksanaan penuh sistem JPJ eINSURANS berkuat kuasa pada 2 Januari 2005, nota perlindungan fizikal tidak lagi dikeluarkan. Walau bagaimanapun, penyata yang mengandungi butir-butir terperinci tentang insurans motor anda akan dikeluarkan kepada anda sebagai pengesahan pembelian perlindungan tersebut.
- Melalui JPJ eINSURANS, semua maklumat berhubung dengan perlindungan insurans akan disalurkan secara elektronik oleh ejen/syarikat insurans anda kepada JPJ.
- Hubungi syarikat insurans sekiranya anda masih tidak menerima polisi insurans dalam tempoh sebulan selepas pembelian polisi.

Apa yang perlu anda tahu apabila membuat tuntutan

Sekiranya kenderaan terlibat dalam kemalangan:

- Catatkan nama dan alamat semua pemandu, buatan/model dan nombor pendaftaran setiap kenderaan, nombor lesen pemandu dan butir-butir insurans dan juga nama dan alamat saksi yang terlibat.
- Buat laporan polis dalam masa 24 jam dan maklumkan syarikat insurans anda secara bertulis dengan memberi butit-butir lengkap dengan segera.
- Sekiranya kenderaan anda rosak, anda boleh memilih sama ada membuat tuntutan kerosakan sendiri atau tuntutan pihak ketiga.

Tuntutan kerosakan sendiri - membuat tuntutan terhadap polisi komprehensif anda sendiri. Walau bagaimanapun, anda akan kehilangan kelayakan NCD.

Tuntutan pihak ketiga - sekiranya anda bukan pihak yang bersalah dalam kemalangan tersebut, anda boleh mengemukakan tuntutan sama ada secara terus kepada syarikat insurans pihak yang bersalah atau, sekiranya anda mempunyai polisi komprehensif, kepada syarikat insurans anda, tanpa kehilangan kelayakan NCD. Anda digalakkan mengemukakan tuntutan anda kepada syarikat insurans anda sendiri untuk mempercepatkan pemprosesan tuntutan.

- Untuk tuntutan kerosakan sendiri, hubungi syarikat insurans anda dengan segera bagi mendapatkan nasihat. Jika syarikat insurans anda mencadangkan atau menghendaki kerja pembaikan dilakukan di **bengkel panel/ yang diluluskan**, hantar kenderaan ke sana seperti yang dinasihatkan. Syarikat insurans akan menolak tuntutan anda sekiranya kenderaan anda dihantar ke bengkel yang tidak diluluskan oleh syarikat insurans anda. Syarikat insurans anda akan menghantar adjuster insurans untuk menilai kerosakan kenderaan anda sebelum meluluskan kerja pembaikan.

'Betterment'


Ia dikenakan jika alat lama diganti dengan alat francais baru semasa membaiki kerosakan kenderaan (umur kenderaan adalah lima tahun ke atas) akibat kemalangan. Anda akan menanggung perbezaan kos terbabit (bergantung kepada umur kenderaan anda) kerana kenderaan anda yang telah dibaiki kini berada dalam keadaan yang lebih baik berbanding sebelum ia ditimpa kemalangan.

Pampasan untuk Masa Pembaikan yang Ditaksirkan (PMPD)

- PMPD bermaksud amaun yang berpatutan yang perlu dibayar oleh syarikat insurans pihak ketiga sebagai pampasan terhadap kehilangan daya guna kenderaan anda.
- Anda boleh membuat tuntutan PMPD sekiranya anda bukan pihak yang bersalah dalam kemalangan tersebut.

- Jumlah hari yang dibenarkan untuk PMPD adalah berdasarkan kepada jumlah hari bekerja yang disyorkan oleh adjuster insurans bagi pemberian kenderaan yang rosak akibat kemalangan dan bukannya jumlah hari kederaan tersebut berada di bengkel.
- Sekiranya resit bagi sewa kenderaan dikemukakan (**hanya daripada syarikat kereta sewa berlesen**), syarikat insurans akan membayar amaun yang dinyatakan dalam resit dan perjanjian sewa kereta yang asal, tertakluk kepada syarat bahawa kenderaan yang disewa mempunyai model yang bersamaan dengan kenderaan yang rosak tersebut. Jumlah hari sewaan yang dibenarkan adalah berdasarkan jumlah hari bekerja yang disyorkan oleh adjuster insurans untuk pemberian kenderaan yang rosak akibat kemalangan.

Bagaimana membuat aduan dan saluran penyelesaian yang tersedia



Untuk maklumat lanjut, sila layari
www.insuranceinfo.com.my

atau lawatilah kios kami di kebanyakan pejabat cawangan syarikat Insurans atau hubungi ejen anda.